
Title	Pantang larang [9-13]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1997 Muhammad Ariff bin Ahmad

PANTANG LARANG 9

Tahun Orang Melayu

[lazimnya pertarikan orang Melayu mengikut dua macam tahun, iaitu *Tahun Masihi* (bagi upacara biasa) dan *Tahun Hijrah* (bagi upacara Agama)].

- Tidak ada pantang larang yang berkaitan dengan **tahun masihi**.
- Tidak ada juga pantang bagi **tahun hijrah**, namun, ada beberapa *larang cegah* (*pre-caution*) untuk mengelakkan mala petaka, umpamanya:

(43) *Dahulu: orang mencegah diri daripada memulakan kehidupan baru seperti mengadakan kerja kahwin, berpindah kerumah baru, mendirikan rumah atau sebagainya dalam bulan suro (Muharram) bulan puasa (Ramadhan) dan bulan berapit (Zulqaedah), kerana bimbang akan risiko yang negatif.*

soal:

88. Islam tidak mengatakan ada antara bulan-bulan Hijriah yang tidak baik; tetapi orang Melayu percaya bahawa *tidak baik berbuat kerja-kerja baik dalam bulan-bulan tersebut*. Apa komen anda mengenai kepercayaan tersebut.

89. Tahukah anda mengapa sebenarnya mereka "*berpantang*" yang demikian itu?

(44) *Dahulu: orang mencegah diri daripada keluar rumah sebelum mandi safar pada tengah hari Rabu keempat (terakhir) dalam bulan Safar, kerana pada hari itu Tuhan menurunkan bala' terlalu banyak.*

soal:

90. Apa yang anda tahu tentang *mandi safar*?

91. Apa kisah yang sebenarnya telah mendorong orang Melayu percaya bahawa Tuhan banyak menurunkan *bala'* pada hari Rabu Terakhir dalam bulan Safar itu?

(45) *Anak-anak yang lahir dalam bulan Muharram dan Safar, akan disambut hari kelahirannya tiap tahun dengan doa tolak bala' dan kenduri bubur Suro (asyura).*

soal:

92. Apa yang anda tahu tentang *bubur Suro*?

93. Bagaimana biasanya orang berbuat kenduri *bubur Suro*?

94. Apa komen anda terhadap kepercayaan itu.



PANTANG LARANG 10

Hari Raya Aidilfitri (Hari Raya Puasa)

(46) *Pantang menyapu (membersihkan rumah atau laman) pada pagi hari raya, sebelum orang lelaki pulang dari Sembahyang Hari Raya di masjid. Kononnya: melihat orang rumah memegang penyapu, malaikat tidak akan masuk membawa baraqah ke rumah itu.*

□ soal:

95. Apa komen anda tentang pantang dan kepercayaan itu?

96. Jika benar kepercayaan itu terbawa dari zaman Hindu-Buddha, siapa agaknya yang disebut malaikat itu.

97. Mungkinkah ada kesamaan kepercayaan itu dengan kepercayaan orang Cina yang *pantang menyapu sampah mercun yang dibakar pada hari tahun barunya sehingga lepas chap-goh-meh?*

(47) *Apabila hendak memakan ketupat, ketupat itu harus dipotong silang empat. Pantang ketupat dikopek atau dilulur (diurai jalin) kelongsongnya. Kononnya: siapa yang mengopek ketupat dengan melulur kelongsongnya, dipercayai, ia akan sesat jalan - sama ada sesat tak sampai ke destinasi, atau sesat tidak berjaya mencapai cita-citanya.*

□ soal:

98. Apa pendapat anda mengenai pantang dan kepercayaan itu?

99. Adakah pantang itu mengandungi pendidikan moral? Kalau benar ada, cuba anda terangkan.



PANTANG LARANG 11

Hari Raya Aidiladha (Hari Raya Haji)
(48) sama seperti pantang (46)

PANTANG LARANG 12

Perubatan Tradisi Melayu

Ada dua macam tukang ubat Melayu. Yang satu dipanggil *dukun*, yang lainnya disebut *pawang*. Dukun mengubati dengan menggunakan *akar-akar kayu, tumbuh-tumbuhan, rumput rampai, bahagian tubuh binatang [kuku dan susu harimau, sumbu badak]* dan yang seumpamanya. Bomoh pula mengubati dengan *jampi* dan *serapah [dengan mentera]*. Bomoh ada hubungan dengan makhluk halus; manakala dukun ada hubungan dengan alam.

(49) *Bomoh pantang lalu (berjalan) melintasi bawah ampaian (jemuran) kain. Kononnya: jika dia lalu di bawah ampaian kain, semua ilmunya akan hilang atau perubatannya tidak mandhi (tidak menjadi).*

soal:

100. Apa bedanya *pawang* dengan *bomoh*?

101. Pernahkah anda menggunakan khidmat Bomoh? Bagaimana dia mengubati anda?

102. Penyakit apa yang anda derita, maka anda minta bomoh mengubatinya? Adakah dia memberi anda *tangkal* atau *azimat*?

103. Pernahkah anda melihat bomoh *menurun*? Bagaimana bomoh menurun.

104. Apa pendapat anda tentang *penyakit buatan orang*?

(50) *Tangkal dan azimat yang diberi bomoh pantang dilangkah, pantang dibawa masuk ke tandas. Jika terlanggar pantang, tangkal dan azimat itu tidak berkuasa lagi.*

soal:

105. Apa yang anda tahu tentang *tangkal* dan *azimat*?

106. Mengapa tangkal dan azimat itu pantang terlangkah atau terbawa masuk ke tandas? Apa harus dilakukan jika terlanggar pantang itu?



PANTANG LARANG 13

Permainan Tradisi Melayu

• Permainan Dalam (Rumah)

- yang memakai alat: *seremban [serembat; selembat]; congkak [jongkak]*.
- yang tidak memakai alat - diiringi dengan irama: *selebang-selebu; enjit-enjit semut; peram pisang; sapu-sapu ringgit*.

• Permainan Luar (Rumah)

- yang memakai alat: *guli; layang (wau); canang (konda-kondi); gasing; sepak raga ratus (sepak raga bulat)*.
- yang tidak memakai alat: *teng-teng; hantu galah (jelon)*.

(51) *Perempuan atau kanak-kanak perempuan dipantangkan bermain batu selembat (serembat; seremban), dikatakan kononnya: jika perempuan asyik bermain serembat, harga beras akan menjadi mahal.*

soal:

107. Apa hubungan permainan batu serembat itu dengan harga bersa?

108. Apa pandangan anda tentang pantang itu.

109. Apa agalnya maksud yang tersirat di dalam pantang itu?

(52) *Dilarang kanak-kanak bermain canang (konda-kondi) pada waktu senja. Kononnya dibimbangkan "anak canang" (kayu pendeknya) terpukul ke mata hantu.*

soal:

110. Benarkah sangkaan mereka bahawa anak canang itu akan memukul mata hantu?

111. Mengapa mereka takut terpukulkan mata hantu.

112. Apa komen anda tentang larangan atau pantang itu?

